

SPRM teliti isu seleweng tender teknologi maklumat

SHAHALAM-Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneliti dakwaan berhubung penyelewengan urusan tender projek teknologi maklumat untuk Lembaga Tabung Haji, yang dibangkitkan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), kelmarin.

Pengarah Siasatannya, Datuk Mustafar Ali berkata, pihaknya akan mengkaji berhubung perkara itu.

"Kita akan hubungi Setiausaha Kerja PPIM, Datuk Nadzim Johan dalam tempoh terdekat untuk dapatkan maklumat terperinci berkaitan isu terbabit.

"Selepas itu, baru kita tentukan tindakan bersesuaian yang boleh diambil," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Semalam akhbar melaporkan, PPIM mendesak SPRM menyiasat segera berhubung isu penyelewengan urusan tender projek terbabit.

Desakan dibuat susulan banyak aduan berkaitan perkara itu dilaporkan kepada PPIM.

Nadzim berkata, antara aduan diterima adalah daripada sebuah syarikat swasta mendakwa kerugian kira-kira RM400,000, gara-gara projek teknologi maklumat yang pada peringkat awalnya yang dikatakan Lembaga Tabung Haji berminat menggunakan sistem beratur syarikat tersebut.

Bagaimanapun, menurutnya, pada saat akhir, syarikat lain iaitu anak syarikat Lembaga



Laporan akhbar kelmarin berhubung desakan PPIM terhadap Lembaga Tabung Haji.

Tabung Haji dikatakan tidak memenuhi keperluan spesifikasi tender dan bukanlah pengeluaran sistem beratur, dimasukkan dalam senarai empat teratas dengan tawaran harga lebih tinggi.

Katanya, PPIM bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia membantah keputusan Lembaga Tabung Haji yang tidak wajar seperti menolak produk Islam lebih murah serta berkualiti atau membuat pelaburan dalam syarikat kecil milik orang Islam khususnya.

"Kami tidak berpuas hati dengan proses tender yang dijalankan dan akan membawa perkara ini ke pihak atasan agar tiada penindasan terhadap mana-mana syarikat Bumiputera," katanya.